

**THE ROLE OF SCIENTIFIC FACTS IN ENHANCING THE ACTIVITY OF READING THE AL-QURAN TO STRENGTHEN THE ELEMENTS OF FAITH: AN ANALYSIS REGARDING THE VERSE 37 OF YASIN**

**PERANAN ILMU FAKTA SAINTIFIK PEMANGKIN PENGHAYATAN BACAAN AL-QURAN BAGI PENGUKUHAN ELEMEN IMAN: ANALISIS TERHADAP AYAT 37 SURAH YASIN**

Shaik Abdullah Hassan Mydin<sup>i</sup> & Shahrul Nizam Ishak<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> Professor Madya, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia (USM).  
abdullah@usm.my

<sup>ii</sup> (Corresponding author). Pelajar Ph.D, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia (USM). snizam@student.usm.my

**Article Progress**

*Received:* 5 August 2025

*Revised:* 16 October 2025

*Accepted:* 30 December 2025

<b>Abstract</b>	<p><i>Strengthening the element of faith to bring out the life of individual humans who are generally on the verge of loss. Hence, the strategy for implementing it is through the practice of reading the Quran. However, it is not enough to simply read it with correct tajweed, fluent pronunciation and a melodious voice. The demand for applying the reading in the form of practice is more important. Therefore, the appreciation of the reading of the Quran as the initial process needs to be given attention. Thus, the application of the role of scientific facts can be a catalyst for the appreciation of the reading which in turn will strengthen the element of faith due to successfully applying the reading in the form of practice. After all, the purpose of this paper is to detail the role of scientific facts as a catalyst for the appreciation of reading towards strengthening the element of faith for individual humans so that they do not continue to be in a cocoon of losses. The completion of this literature study uses basic qualitative methods with the adaptation of document analysis for data collection and the implementation of content analysis for the extraction of findings. Finally, the findings show that the details of the description related to scientific facts based on verse 37 of Surah Yasin are loaded with the value of knowledge which plays a role as a catalyst for the appreciation of reading towards strengthening the element of faith for individual humans in establishing a life that is not in loss at any time.</i></p> <p><b>Keywords:</b> <i>Scientific, Facts, al-Quran, Faith, Yasin.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Penguatan terhadap elemen iman bagi mengeluarkan hidup individu insan yang secara umumnya berada dalam sempadan kerugian. Maka, strategi terhadap penguatan elemen iman itu dapat dilaksanakan menerusi penekanan pembacaan al-Quran. Namun, tidak memadai sekadar membacanya dengan tajwid yang betul, sebutan yang fasih dan alunan suara yang merdu sahaja. Tuntutan pengaplikasian bacaan tersebut dalam bentuk amalan adalah lebih utama. Oleh demikian, penghayatan bacaan al-Quran sebagai proses awal tersebut perlu diberi perhatian. Justeru, penerapan berkenaan peranan ilmu fakta saintifik berupaya menjadi pemangkin kepada</i></p>

	<p><i>penghayatan bacaan tersebut yang seterusnya menatijahkan pengukuhan elemen iman disebabkan berjaya mengaplikasikan bacaan dalam bentuk amalan. Maka, tujuan penulisan makalah ini adalah untuk memperincikan peranan ilmu fakta saintifik sebagai pemangkin kepada penghayatan bacaan terhadap pengukuhan elemen iman individu insan agar tidak berterusan berada dalam kepompong kerugian. Penuntasan kajian kepustakaan ini menggunakan kaedah kualitatif asas dengan pengadaptasian analisis dokumen bagi pengumpulan data dan pelaksanaan analisis kandungan bagi penggalian hasil dapatan. Akhirnya, hasil dapatan menunjukkan perincian huraian berkaitan fakta saintifik berasaskan ayat 37 surah Yasin adalah sarat dengan nilai ilmu yang memainkan peranan sebagai pemangkin kepada penghayatan bacaan terhadap pengukuhan elemen iman bagi individu insan dalam menatijahkan kehidupan yang tidak berada dalam kerugian pada sebarang waktu.</i></p> <p><b>Kata kunci:</b> <i>Saintifik, Fakta, al-Quran, Iman, Yasin.</i></p>
--	---

## PENDAHULUAN

Umumnya, individu insan hidup dalam kerugian (al-Quran, 103:2). Hal tersebut dijelaskan menerusi nas ilahi dengan permulaan awal kalimah pada ayat ke dua surah al-‘Asr yang menyatakan secara *tawkid* (penguat) menerusi kalimah *inna* bahawa tanamkan keyakinan yang kuat dan jangan sekali-kali pernah ragu akan insan itu berada dalam keadaan rugi pada sebarang waktu dalam hidupnya (al-Quran, 103:1).

Penjelasan terhadap perkara yang sama sebagai contoh dinyatakan menerusi dua buah kitab tafsir. Pertama, tafsir al-Jalalayn menyebutkan bahawa insan itu berada dalam kerugian dengan merujuk pada perniagaannya (al-Jalalayn, t. th.: 270) manakala kedua, tafsir Mahmud Yunus menyebutkan bahawa sesungguhnya semua manusia itu dalam kerugian (Yunus, 1973:917). Oleh demikian, berdasarkan penerangan tadi jelas menunjukkan bahawa:

- i. Waktu sangat berhubungan dengan hidup insan.
- ii. Hidup insan berada dalam keadaan rugi pada setiap waktu secara amnya.
- iii. Setiap waktu yang berdetik menatijahkan impak rugi terhadap amalan yang dilakukan oleh individu insan itu dalam kehidupannya.

Walau bagaimanapun, jalan keluar bagi masalah ini telah dijelaskan menerusi mesej al-Rahman (al-Quran, 103:3) dengan menyatakan bahawa individu insan yang berada dalam keadaan rugi pada sebarang waktu dalam hidupnya mampu untuk keluar daripada kepompong tersebut dengan garapan empat elemen yang digariskan iaitu,

- i. Iman
- ii. Amal soleh
- iii. Pesanan terhadap kebenaran
- iv. Pesanan terhadap kesabaran dalam mentaati suruhan dan menjauhi larangan yang telah ditetapkan oleh Allahﷻ.

Maka, berdasarkan kepada keempat-empat elemen yang disebutkan itu, kami berpendapat bahawa yang pertama ialah yang menunjangi terhadap penghayatan bacaan al-Quran dan merupakan fokus dalam perbincangan makalah ini. Hal tersebut kerana iman merupakan pegangan dan keyakinan manakala pemahaman mengenainya adalah menerusi pembelajaran berkaitan ilmu tawhid<sup>1</sup> (Zakaria & Azahari, 2022:32).

Putri et al. (2025) juga menyatakan bahawa iman bertautan dengan tawhid yang merupakan kunci menuju keselamatan dunia dan akhirat. Iman ditakrifkan sebagai

<sup>1</sup> Ilmu tawhid adalah asas utama agama Islam dengan mengenal Allahﷻ, Tuhan Yang Maha Esa Yang Memiliki Sifat-Sifat Yang Maha Sempurna.

gabungan tiga aspek iaitu membenaran jantung-hati, pengakuan lisan dan pengamalan perbuatan menurut Hadi (2025:178). Oleh itu, adalah sangat penting untuk memberi penekanan kepada aspek elemen iman tersebut dan pengukuhan terhadapnya.

Penekanan dan pengukuhan terhadap elemen iman boleh dilaksanakan menerusi penekanan pembacaan al-Quran pada peringkat permulaannya. Namun, tidak memadai sekadar membacanya dengan tajwid yang betul, sebutan yang fasih dan alunan suara yang merdu sahaja (Mat Sin & Ishak, 2024). Oleh demikian, penghayatan bacaan al-Quran sebagai proses awal tersebut secara komprehensif perlu diberi perhatian.

Menurut Othman (2016) yang menjelaskan bahawa pengukuhan tawhid yang juga merujuk kepada elemen iman melalui kefahaman kaedah saintifik suatu keperluan pada masa kini dan kepentingan peranan ilmu fakta saintifik turut disebutkan oleh Mat Sin dan Ishak (2024:114). Di samping itu, Mohamad Rohani (2017:6) menyatakan bahawa penghayatan bacaan al-Quran yang bertumpu kepada tanda-tanda alam semesta yang terdapat dalam surah Yasin adalah kaedah bagi memperkukuhkan tawhid.

Oleh itu, tujuan utama penulisan makalah ini adalah untuk memperincikan peranan ilmu fakta saintifik sebagai pemangkin kepada penghayatan bacaan terhadap pengukuhan elemen iman individu insan agar tidak berterusan berada dalam kepompong kerugian. Penuntasan matlamat kajian ini dilaksanakan secara bersasar terhadap penelitian bertumpu kepada ayat 37 surah Yasin sahaja.

Pemilihan surah Yasin tersebut disebabkan terdapat satu keperluan terhadap menjalankan kajian yang lebih mendalam mengenai penghayatan tawhid berdasarkan surah Yasin menurut Wan Mohamad et al. (2021:19). Di samping itu, Jusoh (2014:28) menyebutkan bahawa Allah ﷻ menciptakan langit dan bumi serta malam dan juga siang sebagai tanda untuk orang yang beraqal berfikir dan semua kejadian tersebut merupakan objek yang layak untuk dilakukan penyelidikan terhadapnya.

Hal itu seiring dengan firman Allah ﷻ sebagaimana yang disebutkan menerusi nas ilahi (al-Quran, 3:190). Pemilihan ayat 37 tersebut pula adalah kerana bersandarkan tiga faktor berikut:

- i. Ayat tersebut digolongkan dalam kategori sebagai '*ayah kawniyyah*<sup>2</sup> berasaskan wujudnya lafaz (وَأَيُّةٌ لَهُمْ)<sup>3</sup> (Mohamad Rohani, 2017:7).
- ii. Ayat tersebut terletak dalam surah *Makkiyyah*<sup>4</sup> yang jelas membicarakan tentang tentang pengukuhan iman (Ismail, 2016:10).
- iii. Ayat tersebut mendorong potensi memikir dan berfikir mengenai perkara berkaitan keagungan, kebesaran dan kekuasaan Allah ﷻ (al-Jalalayn, t. th.:124). Menerusi aktiviti memikir dan berfikir tersebut yang merupakan tuntutan dalam al-Quran dapat menjadi perkara pemangkin kepada penghayatan bacaan terhadap pengukuhan elemen iman bagi individu insan.

Tambahan itu, berpegang kepada nukilan *Ma'ali* al-Syeikh Muhammad Mutawalli al-Sya'arawi (m. 1998M/1419H) yang disebutkan oleh Awang (1996) bahawa perhatian yang tekun hendaklah diberikan pada al-Quran yang sifatnya sentiasa membawakan pengertian baharu secara terus menerus mengenai kemukjizatannya merupakan alasan kepada analisis kajian ini dilakukan dengan melihat secara lebih tirus terhadap surah Yasin bertumpukan pada ayat 37 sahaja dalam menjelaskan perincian perkara berkenaan fakta

<sup>2</sup> Kalimah '*ayah* (أَيُّةٌ) merupakan bentuk kalimah tunggal yang membawa erti tanda manakala perkataan dalam bentuk jamak iaitu '*ayat* (أَيَّاتٌ) membawa erti tanda-tanda. Kalimah *kawniyyah* pula berasal daripada perkataan *kawn* yang bererti kejadian. Maka, istilah '*ayah kawniyyah* membawa makna tanda-tanda kejadian alam.

<sup>3</sup> Terdapat tiga ayat dalam surah Yasin pada permulaannya terdiri daripada kalimah '*وَأَيُّةٌ لَهُمْ*' iaitu ayat 33, 37 dan 41 yang menuntun kepada aktiviti memikir dan berfikir tentang keagungan, kebesaran dan kekuasaan Allah ﷻ dengan secara khususnya ditujukan kepada insan.

<sup>4</sup> *Makkiyyah* merujuk kepada ayat-ayat yang diturunkan sebelum berlakunya hijrah Rasulullah ﷺ (m. 632M/11H) manakala kategori *Madaniyyah* pula adalah ayat-ayat yang diturunkan selepas berlakunya peristiwa hijrah Rasulullah ﷺ (m. 632M/11H) menurut pandangan majoriti ulama.

saintifik yang menjadi pemangkin kepada kepada penghayatan bacaan terhadap pengukuhan elemen iman individu insan agar sempadan rugi dapat dielakkan olehnya.

Selanjutnya, gambaran berkaitan istilah fakta saintifik<sup>5</sup> dijelaskan terlebih dahulu sebelum tatasusun makalah diterangkan. Fakta saintifik ialah gabungan dua kalimah antara fakta dan saintifik. Kalimah fakta ditakrifkan sebagai sesuatu yang benar dan boleh dibuktikan menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1996:348) manakala kalimah saintifik pula berasal dari kata akar sains (Alias, 2015:18) yang merupakan pinjaman daripada bahasa Inggeris dengan sebutan *science* bersumberkan kepada bahasa Latin iaitu *scientia* (Marsuki, 2000:278).

Menurut Mohd Zain (2000:25) saintifik dapat diertikan sebagai sesuatu yang bersifat sains. Lantaran itu, saintifik juga ditakrifkan sebagai sesuatu yang dilakukan menurut kaedah atau prinsip sains (Kamus Dewan, 1996:1169). Kesimpulannya, fakta saintifik ialah suatu perkara yang benar dan dapat dibuktikan menerusi prinsip sains. Maka, perincian fakta saintifik berupaya bertindak sebagai pemangkin terhadap pengukuhan elemen iman bagi individu insan agar menatijahkan hidupnya keluar daripada sempadan kerugian.

Oleh yang demikian, tatasusun makalah bermula dengan pengenalan dan diikuti dengan gambaran ringkas latar belakang surah Yasin. Kemudian, sebelum bahagian metodologi kajian diterangkan, sorotan kajian lepas lebih terdahulu dicatatkan. Seterusnya, kupasan mengenai pemerihal berkaitan perincian ilmu fakta saintifik berdasarkan ayat 37 surah Yasin berdasarkan dua subtopik dijelaskan agar penghayatan bacaan yang mendalam dapat diperolehi bagi menatijahkan pengukuhan terhadap elemen iman individu insan tersebut.

Akhirnya, sebelum kesimpulan dibentangkan, rumusan terhadap peranan ilmu fakta saintifik sebagai pemangkin kepada penghayatan bacaan al-Quran bagi pengukuhan elemen iman individu insan diberikan.

### GAMBARAN RINGKAS LATAR BELAKANG SURAH YASIN

Bahagian ini menerangkan berkenaan latar belakang surah Yasin dalam bentuk jadual sebagai gambaran ringkas bagi menjelaskan lagi kefahaman menerusi perbincangan selanjutnya.

**Jadual 1: Latar Belakang Surah Yasin**

Latar Belakang	Surah Yasin
Jumlah Bilangan Ayat	83 (al-Suyuti, 1993:37)
Makna	Allahﷻ Yang Maha Mengetahui (merupakan huruf potong)
Kedudukan Pada <i>Mashaf 'Uthmani</i>	Ke-36 daripada 114
Urutan Penurunan	Bilangan yang ke-41 (Darwazah, 2000: 15-16)
Kategori	<i>Makkiyyah</i> <sup>2</sup> (Mohamad Zaki, 2014)
Contoh Nama-nama Lain Bagi Yasin	<i>Qalbun</i> (jantung-hati), <i>Dafi'ah</i> (penolak), <i>Qadiyyah</i> (penunaian) dan <i>Mu'immah</i> (meliputi) (Rusydi, 2019:135-136)
Sebab Penurunan	Turunnya ayat 1-10 menurut Ibn Abbas (m. 687M/68H) disebabkan peristiwa yang berlaku semasa Rasulullahﷺ (m. 632M/11H) sedang membaca al-Quran dengan suara yang nyaring di Masjid al-Haram yang tidak disenangi oleh orang kafir Quraish. Lalu terbelenggu tangan mereka ke leher masing-masing ketika hendak menangkap Rasulullahﷺ (m. 632M/11H) (Mohd. Yusoff & Mukhlis, 2012:590)

<sup>5</sup> Penjelasan lanjutan berkaitan perkataan saintifik dengan lebih terperinci juga dapat difahami melalui contoh lain seperti penentuan nilai satu unit mol adalah berasaskan ukuran diameter terhadap sfera silikon (Elizabeth Gibney, 2017:313).

Ciri Istimewa	Merupakan antara 34 surah daripada 114 yang tidak menerima dalamnya <i>Nasikh</i> dan <i>Mansukh</i> (al-Jalalain t. th.,156 )
Sinopsis	Berkisar tentang tema serah diri kepada Allah ﷻ semasa menjalankan urusan dakwah. Tugas berdakwah bukti menyerahkan diri sendiri pada Allah ﷻ sebagai pemberi hidayah dan tuntutan tentang keagungan Allah ﷻ agar mengukuhkan elemen iman (Ismail, 2016:131-132)

Jadual 1 menunjukkan latar belakang surah Yasin menerusi sepuluh item terhadap bicarawara perbincangan mengenai surah yang memiliki sebanyak 83 ayat dengan dimulakan dengan huruf potong pada awalnya dan terletak pada kedudukan yang ke-36 menurut hitungan *Mashaf 'Uthmani* manakala urutan penurunannya adalah yang ke-41 iaitu selepas surah al-Jin berkategori *Makkiyyah* ini tentang ajakan kepada tawhid, pembuktian risalah, kebangkitan hari kiamat dan juha perbahasan mengenai bukti-bukti kekuasaan, keagungan dan kebesaran Allah ﷻ menerusi rasional dan fakta saintifik berasaskan ayat-ayat *kawniyyah*.

Terdapat tiga fasa utama dalam persembahan surah Yasin menurut Wan Mohamad et al. (2021:16). Fasa pertama iaitu bermula dari ayat 1 hingga 29 menyatakan perihal al-Quran dan kerasulan Nabi Muhammad ﷺ bersama-sama peringatan pengakhiran bagi pendusta serta peringatan bermanfaat bagi yang takut dan taat perintah Allah ﷻ dalam ketersediaan untuk menerima hidayah<sup>6</sup> dan iman.

Fasa kedua iaitu antara ayat 30 hingga 68 menyatakan berkaitan penyesalan akibat ingkar perintah Allah ﷻ dan ejekan kepada Rasul utusan Allah ﷻ serta bukti alam semesta sebagai kekuasaan Allah ﷻ manakala asa ketiga pula iaitu daripada ayat 69 hingga 83 menyatakan rumusan terhadap pelbagai kisah yang dibentangkan dalam surah tersebut.

Perkara yang sama juga disebutkan dalam *Sofwat al-Tafasir* bahawa ada tiga topik utama yang mendasari bicarawara surah Yasin iaitu iman terhadap hari kebangkitan, cerita penduduk desa dan bukti-bukti keesaan Allah ﷻ pentadbir semesta alam. (Rusydi, 2019:142). Bahagian berikutnya mengupas berkaitan sorotan kajian lepas.

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

Menurut Wan Mohamad et al. (2021:12) menyatakan bahawa surah Yasin mengandungi elemen aqidah ataupun disebut juga sebagai tawhid. Huraian elemen iman itu bertaut kuat dengan tawhid dan menurut Azhar (2022:105) pengertiannya adalah selari yang berasaskan tiga prinsip iaitu diucapkan dengan lisan dan diyakini dalam hati serta diwujudkan menerusi praktikal amal perbuatan harian.

Tawhid itu sendiri secara termologi merupakan iman yang kukuh, nyata, dan tidak ada kecurigaan apapun bagi yang meyakini atau mempercayainya (Islam, 2024:312). Kemudian, perbincangan bertunjangkan tawhid iaitu dalam perspektif keimanan dikemukakan oleh Rahma dan Sahila (2024) dengan memfokuskan pada kesihatan mental misalnya kemurungan dapat diatasi dan dicegah dengan rawatan berteraskan keyakinan, tawhid dan keimanan khususnya dalam kehidupan umat Islam.

Selain itu, Najah (2019) hanya memfokuskan kepada pembacaan sebagai amalan harian yang dilakukan di Pesantren Putri *Roudloh al-Thohiriyyah* yang berfungsi sebagai wirid dan keberkatan berkaitan hubungan antara surah Yasin dan iman. Tambahan itu, terdapat kajian berdasarkan data emperikal yang dilakukan terhadap surah Yasin, namun penekanannya adalah pada menentukan energi surah Yasin.

Hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa bagi individu Muslim, surah Yasin memberi perasaan damai dan meningkatkan ketaqwaan keimanan kepada Allah ﷻ

<sup>6</sup> Terdapat empat jenis hidayah iaitu hidayah *tabi'iy*, hidayah *hawwas* (perasaan), hidayah aqal dan hidayah *al-din* (Awang, 2020:106-107). Pertama, contoh hidayah *tabi'iy* ialah bayi yang berkehendak kepada susu. Kedua, contoh hidayah *hawwas* ialah sedih dan gembira. Ketiga, contoh hidayah aqal ialah memikir. Keempat, contoh hidayah *al-din* ialah al-Kitab dan al-Sunnah.

manakala bagi individu bukan Muslim pula, surah Yasin hanya memberi kesan terhadap meningkatnya semangat dan menimbulkan perasaan gembira (Kurniawan, 2020:20). Seterusnya, Mat Sin dan Ishak (2024) juga ada menyatakan bahawa ilmu fakta saintifik dan mukjizat bayani memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kualiti pembaca al-Quran bagi menatijahkan *halawah tilawah* (kemanisan bacaan). Namun, fokus kajian tersebut tertumpu pada ayat ke-68 hingga 69 surah *al-Nahl*. Di samping itu, Arip Kosmo (2000) menerusi kaedah pemantapan akidah menerusi penghayatan sains dalam al-Quran (PASAK) telah menemui fakta bahawa penghayatan sains dalam al-Quran melalui tanda-tanda alam semesta dapat memantapkan tawhid iaitu merujuk kepada iman.

Walaupun bagaimanapun, kajian tersebut dilakukan dengan meneliti bagi menghasilkan modul PASAK berdasarkan pelbagai ayat daripada al-Quran. Selanjutnya, walaupun Mohamad Rohani (2017) menyatakan bahawa rahsia surah Yasin adalah dapat menghilangkan rasa ragu dan memahami rukun iman menerusi penjelasan bersandarkan fakta saintifik yang menjadi bukti kepada manusia agar melihat kekeuasaan Allah ﷻ, namun fokus penulisannya bertumpu kepada membongkar rahsia hidup selepas mati.

Oleh itu, berdasarkan kajian lepas yang dibentangkan di sini, dapat disimpulkan bahawa perspektif pemangkin kepada penghayatan bacaan al-Quran terhadap pengukuhan elemen iman menerusi tumpuan kepada ayat 37 surah Yasin dalam memperincikan perkara berkaitan fakta saintifik merupakan satu lompong yang masih terbuka ruangnya untuk diisi dan digali. Maka, kajian ini mengambil peluang inisiatif tersebut dalam menjalankan kajian yang berbentuk kualitatif.

## METODOLOGI KAJIAN

Penuntasan kajian kepustakaan ini dijalankan bersandarkan kaedah kualitatif asas disebabkan reka bentuk kajian daripada jenis ini tidak dipengaruhi oleh teori, tempoh masa atau kes (Lim, 2026; Merriam & Tisdell, 2016). Selanjutnya, analisis dokumen diadaptasikan terhadap 114 surah yang terdapat dalam mashaf dan memilih surah Yasin sebagai skop kajian makalah ini.

Alasan pemilihan tersebut telah dinyatakan pada bahagian pengenalan lalu. Kemudian, hanya ayat 37 sahaja yang diberi fokus khas dan dilihat bersesuaian untuk dibincangkan bersama-sama dengan tujuan utaman kajian dalam makalah ini. Pengaplikasian analisis kandungan bagi memperincikan kupasan secara tirus berkaitan fakta saintifiknya dilakukan agar pembentangnya berupaya menjadi peranan dan pemangkin kepada penghayatan bacaan al-Quran itu terhadap pengukuhan elemen iman bagi individu insan.

Umumnya, analisis kandungan berperanan untuk mengukur struktur, isi kandungan dan sumber penulisan (Sulaiman Masri, 2005:21). Oleh itu, penelusuran bahagian berikutnya membincangkan tentang intisari terhadap penggelintaran ilmu fakta saintifik berasaskan ayat 37 surah Yasin.

## PEMERIHAN ILMU FAKTA SAINTIFIK BERASASKAN AYAT 37 SURAH YASIN

Bahagian ini memerihalkan perincian berkaitan ilmu fakta saintifik berasaskan ayat 37 surah Yasin dan terjemahan Bahasa Melayu bagi Firman Allah ﷻ tersebut adalah, “dan lagi dalil yang terang untuk mereka (berfikir) ialah malam; Kami hilangkan siang daripadanya, maka dengan serta-merta mereka berada dalam gelap-gelita”.<sup>7</sup>

Berdasarkan terjemahan di atas, penelitian istilah yang menyeru kepada aktiviti memikir dan berfikir<sup>8</sup> dapat ditelusuri menerusi kalimah ‘وَأَيُّةٌ لَهُمْ’. Sebutan kalimah yang terletak pada kedudukan awal pangkal ayat tersebut merupakan ayat *kawniyyah* yang mengajak untuk merenungi berkenaan tanda-tanda keagungan, kebesaran dan kekuasaan

<sup>7</sup> Surah.My (t. th.). Terjemahan al-Quran Bahasa Melayu. <https://www.surah.my/36#37>.

<sup>8</sup> Penulis berpandangan bahawa aktiviti memikir dan berfikir berupaya menatijahkan otak pintar (*smart brain*), lidah benar (*truth tongue*) dan jantung-hati bijaksana (*wise hearth*).

Allahﷻ yang akan membawa kepada membenarkan dan beriman dengan Allahﷻ bersama-sama panduan al-Sunnah al-Nabawiyah (al-Wahbi, 2019:63).

Di samping itu, diterangkan juga beberapa tafsiran para ulama muktabar berkaitan kalimah yang disebutkan itu bagi menguatkan lagi hujah tersebut seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 berikut.

**Jadual 2: Huraian Berkaitan Kalimah 'وَأَيُّهُ لَّهُمْ' Oleh Ahli Tafsir Muktabar**

Nama Ahli Tafsir	Nama Kitab	Huraian Tafsirannya
Muhammad Ibn Jarir al-Tobari (m. 923M/310H)	Tafsir al-Tobari	merupakan bukti terhadap mereka tentang kekuasaan Allahﷻ bagi melakukan sebarang perkara yang dikehendaki olehnya.
Ismail Ibn Umar Ibn Kathir al-Dimasyqi (m. 1373M/774H)	Tafsir Ibn Kathir	merupakan antara bukti-bukti terhadap mereka tentang kekuasaan Allahﷻ yang maha hebat iaitu menerusi penciptaan malam dan siang; silih ganti antara kegelapan dan kecerahan dengan yang satu datang dan yang lain pergi serta yang lain pergi dan yang lain datang.
Abdul Rahman Ibn Nasir al-Sa'di al-Tamimi (m. 1956M/1375H)	Tafsir al-Sa'di	merupakan pengaruh atas kehendak Allahﷻ, kesempurnaan kuasa dan kebangkitan selepas kematian.

Sumber: Olahan daripada Surah.My (t. th.). Terjemahan al-Quran Bahasa Melayu. [https://surahquran.com/aya-tafsir-37-36.html#google\\_vignette](https://surahquran.com/aya-tafsir-37-36.html#google_vignette).

Selain itu, menurut Awang (2020:109) walaupun sebahagian sahaja yang dapat diterokai berkaitan alam semesta sudah cukup menjadi dalil atau bukti untuk beriman kepada Allahﷻ dengan syarat insan itu sungguh-sungguh menetapkan kebenaran dan kesabaran yang ikhlas. Hal ini berbetulan dengan mesej al-Rahman pada ayat 69 surah *al-Ankabut*.

Sehubungan itu, intisari pemerihalhan terhadap ilmu fakta saintifik berasaskan ayat 37 surah Yasin adalah seperti berikut:

- i. Ayat ini (al-Quran, 36:37) menafsirkan ayat 29 surah al-Baqarah yang menjelaskan tentang zatnya yang merupakan pencipta manusia adalah juga pencipta bagi seluruh alam semesta termasuk langit dan bumi dengan menyatakan supaya manusia mengkaji kejadian alam bumi dan langit serta segala isi kandungannya. Fungsinya adalah sebagai dalil dan bukti ketuhanan Allahﷻ dan kewajiban memperhambakan diri insan kepada Allahﷻ serta faedah kepada manusia dalam kehidupan duniawi sebagai individu yang memikul gelaran khalifah (Awang, 2020:113).
- ii. Aspek kemunasabahan ayat ini (al-Quran, 36:37) dapat difahami dan ditekuni berdasarkan ayat sebelumnya (al-Quran, 36:36) yang menerangkan berkaitan tempat dengan merujuk kepada bumi sebagai dalil dan tanda keagungan, kebesaran dan kekuasaan Allahﷻ dan diikuti dengan penjelasan mengenai waktu dengan merujuk kepada malam dan siang.

Tempat dan waktu adalah kesatuan yang diperlukan terutamanya dalam hidup individu insan termasuklah tumbuhan dan haiwanan. Tanpa tempat dan waktu tiadalah kehidupan. Sokongan hujah terhadap perkara yang disebutkan ini selaras dengan pernyataan yang dikemukakan oleh beberapa tokoh misalnya al-Syeikh Mutawalli al-Sya'rawi (m. 1998M/1419H) dan al-Imam Fakhr al-Din al-Razi (1210M/606H) (Mohamad Rohani, 2017:62).

- iii. Gambaran mengenai fenomena malam dan siang diungkapkan dengan jelas sebagai suatu ketentuan yang digariskan oleh Allahﷻ dan merupakan satu peristiwa yang


memiliki posisi yang khusus dan perincian lanjut berkenannya diberikan pada bahagian berikutnya.

- iv. Alasan terhadap sebutan malam (*al-layl*)<sup>9</sup> didahulukan berbanding siang (*al-nahar*)<sup>10</sup> berasaskan ayat ini adalah kerana malam diciptakan terlebih dahulu sebelum siang. Hujah tersebut juga dikuatkan dengan sokongan penjelasan daripada nas ilahi yang lain iaitu ayat 40 surah Yasin. Secara fakta saintifiknya, keadaan luar atmosfera bumi adalah gelap telah dibuktikan menerusi kajian sains berdasarkan pemerhatian empirikal. Hanya permukaan bumi sahaja yang berkeadaan terang yang disebut sebagai siang dan tidak menjangkau ke luar atmosfera bumi tersebut.

Seterusnya, perbincangan menumpukan pada dua sub topik. Pertama, berkaitan waktu dan fenomena malam dan siang. Kedua, waktu dan aktiviti insan.

### Waktu Dan Fenomena Malam Dan Siang

Berdasarkan ayat pertama surah al-'Asr yang telah disebutkan pada bahagian mukadimah pengenalan lalu, kalimah al-'Asr (العصر) merujuk kepada makna waktu juga boleh diungkapkan sebagai masa, zaman ataupun sebarang waktu yang selepas *zawal*<sup>11</sup> hingga terbenam matahari (al-Jalalayn, t. th., 270; Purwanto, 2012:206). *Zawal* ialah kedudukan matahari yang berada pada garisan tengah langit iaitu tepat pada kedudukan 90° setelah bergerak dari arah Timur yang merupakan pembahagi antara Timur dan Barat.



Rajah 1: Gambaran *Zawal* Dan Nilai Kedudukannya

Waktu ditandai dengan fenomena alam misalnya peristiwa malam dan siang. Malam dan siang pula ditandai dengan terbenamnya dan terbitnya matahari. Namun, harus diberi perhatian bahawa malam dan siang bukan objek tetapi menunjukkan waktu terhadap peristiwa. Silih ganti malam dan siang menjadi hitungan dalam sukatan waktu contohnya kiraan hari, bulan, tahun mahupun kurun.

Siang adalah waktu yang sama dengan malam. Namun bersandarkan kepada tanda yang berbeza iaitu dihapuskan atau dihilangkan gelap yang menjadi tanda bagi malam itu, maka wujudlah siang. Hal yang sama turut disebutkan dalam beberapa ayat yang lain misalnya pada ayat 44 surah al-Nur dan ayat 12 surah al-Isra'. Nikmat silih ganti malam dan

<sup>9</sup> Ulangan sebutan kalimah dalam bentuk jamak iaitu *layl* (لَيْلٍ) dalam al-Qur'an adalah sebanyak 92 kali manakala ulangan sebutan kalimah dalam bentuk tunggal iaitu *laylah* (لَيْلَةً) dalam al-Qur'an adalah sebanyak 84 kali.

<sup>10</sup> Ulangan sebutan kalimah dalam bentuk tunggal iaitu *nahar* (نَهَارٍ) dalam al-Qur'an adalah sebanyak 57 kali.

<sup>11</sup> Apabila kedudukan jasad matahari beranjak sebanyak 1 minit atau suku darjah ke arah Barat iaitu dari kedudukan *zawal* kepada *duluk*, maka sah masuk waktu zohor. Nilai hitungan mudah ialah 1° yang bersamaan 4° minit.

siang tersebut menunjukkan sifat kasih sayang dan rahmat Allah ﷻ yang membenarkan pelbagai aktiviti dilakukan termasuk tumbuhan dan haiwanan tertutamanya terhadap insan sebagai wakil dalam pengurusan bumi dengan gelaran khalifah (al-Quran, 2:30).

Di samping itu, setiap ayat dalam al-Quran merupakan motivasi terbaik bagi insan mengambil manfaat bagi menghadapi jatuh bangun dan penjelajahan penitiran detik waktu kehidupan antara silih ganti rasa duka dan suka agar kemuncak penghayatan bacaan tersebut menatijahkan pengukuhan elemen iman dalam dirinya seterusnya mengimplikasikan keupayaan untuk keluar daripada diselubungi kerugian. Antara isyarat dibalik mesej al-Rahman tersebut yang boleh dicungkil dan dipelajari dalam konteks ilmu fakta saintifik berkaitan fenomena malam dan siang adalah:

- i. Ketepatan munculnya waktu malam dan hilangnya waktu siang, keindahan pada waktu malam yang dihiasi dengan cahaya pantulan bulan dan ditambah dengan kilauan sinar bintang-bintang di pelusuk permukaan langit berserta kecantikan suasana ketika tenggelamnya matahari dan juga manfaat yang diperolehi ketika terbitnya matahari sudah cukup dan memadai untuk menjadi pemangkin kepada penghayatan bacaan yang dikumat-kamit bagi melahirkan pengukuhan elemen iman dalam diri insan.

Sudah pasti insan itu adalah berada dalam golongan yang memikir dan berfikir kerana tanpa upaya tersebut insan itu akan terus berada dalam pembentuk kerugian.

- ii. Penciptaan malam dan siang secara idealnya telah ditentukan tujuan masing-masing. Matlamat malam ialah untuk beribadah dan berehat manakala matlamat siang ialah untuk berkerja mencari rezeki bagi keperluan kelangsungan hidup insan (al-Quran, 78:9-1). Hal ini disokong oleh pandangan Imam al-Alusiy (m. 1854M/1270H) yang menyatakan bahawa tuntutan asal beristirahat dan tidur adalah pada waktu malam manakala berkerja dan berusaha mencari rezeki adalah pada waktu siang berdasarkan *sunnatullah* untuk manusia (al-Alusiy, 2005).

Beribadah dengan melakukan perbuatan khusus pada dua pertiga malam sangat dituntut dan menepati sunnah Rasulullah ﷺ (m. 632M/11H) (al-Quran, 73:20). Adapun berehat dengan cara tidur pada tempoh satu pertiga malam pula mampu mengembalikan kecergasan tubuh badan dan pemikiran berbanding tidur yang lama pada waktu siang.

Ini disebabkan perlakuan tersebut boleh memberi kesan negatif terhadap peredaran darah, kekejangan otot, pengumpulan lemak di bahagian tertentu (al-Najjar, 2007) sehingga menyebabkan berlakunya kegemukan sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah ﷺ (m. 632M/11H) (Hadis. Al-Bukhariyy. *Bab Fadail Ashab al-Nabiyy* ﷺ 3650).<sup>12</sup>

- iii. Kejadian malam dan siang disebabkan putaran pusingan bumi (Ismail, 2014:59). Fenomena berlakunya malam dan siang menggambarkan bahawa sebahagian belahan kawasan bumi terlindung daripada menerima limpahan sinaran cahaya matahari dan kawasan tersebut digelar sebagai siang. Adapun belahan yang bertentangnya adalah kawasan yang menerima limpahan sinaran cahaya matahari dan kawasan tersebut digelar sebagai malam.

Hal ini bertepatan dengan mesej al-Rahman pada ayat 44 surah al-Nur. Sehubungan itu, putaran yang berlaku terhadap pusingan bumi ialah dalam keadaan gulingan<sup>13</sup> (al-Quran, 39:5). Perkara itu mengisyaratkan bahawa bumi adalah berbentuk bulat atau lebih tepat disebut dengan istilah geometri sebagai bentuk sfera leper (*oblate ellipsoid*).

<sup>12</sup> Muhammad Ibn Ismail al-Bukhari, *Sahih Bukhari*, Jilid 4 (Dar al-Fikr, 2001), 1626.

<sup>13</sup> Istilah gulingan digunakan dalam al-Qur'an yang merujuk kepada kalimah *yukawwir* (يُكْوِّر) yang juga boleh dierti dengan melingkari dengan asal katanya adalah *kawwara* bermaksud melilit sesuatu pada objek berbentuk bulat.

Jadual 3 menunjukkan fakta saintifik berkenaan ciri-ciri bagi bumi, bulan dan matahari seperti bentuk matahari ialah sfera, diameter bulan ialah 3474km menandakan objek yang terkecil dalam ketiga-tiga bandingan objek tersebut, suhu permukaan bumi ialah 15°C menandakan yang paling sesuai untuk diduduki dengan peranannya sebagai tempat tinggal pelbagai makhluk.


Misalnya manusia, tumbuhan haiwanan dan serangga dan anggaran usia matahari hamper mencecah 5 juta tahun merupakan objek yang lebih tua sedikit berbanding daripada ketiga-tiga objek tersebut serta ulangan sebutan kalimah 'ard dalam al-Quran adalah sebanyak 395 kali merupakan paling banyak antara ketiga-tiga bandingan objek tersebut.

**Jadual 3: Fakta Saintifik Terhadap Ciri-ciri Bagi Bumi, Bulan Dan Matahari**

Ciri-ciri	Bumi	Bulan	Matahari
Bentuk	Sfera Leper	Sfera Leper	Sfera
Diameter	12 742 km	3 474 km	1 392 000 km
Suhu Permukaan	15° C	Malam: -233° C Siang: 123° C	5 500° C
Kandungan Komposisi	Besi, Silikat dan Batuan	Silikat dan Logam	Gas (Hidrogen dan Helium)
Peranan	Tempat Tinggal	Satelit	Sumber Tenaga
Usia Kini	≅4.5 juta tahun	≅4.5 juta tahun	≅5 juta tahun
Istilah al-Quran	'Ard (أَرْضٌ)	Qamar (قَمَرٌ)	Syams (شَمْسٌ)
Ulangan Sebutan	395 kali	27 kali	33 kali

- iv. Pola pergerakan putaran bagi ketiga-tiga objek samawi yang terapung di angkasa berdasarkan kalimah jamak 'yasbahun' (al-Quran, 21:33 & al-Quran, 36:40) iaitu bumi, bulan dan matahari adalah bertunjangan kepada penjelasan terhadap dua nas ilahi iaitu al-Quran, 36:38 dan al-Quran, 27:88 dan pergerakan putarannya adalah mengikut pusingan lawan jam atau dari arah Timur ke Barat.

Ahmad Soleh (2011) turut menyatakan bahawa putaran pada orbit paksi masing-masing dengan kelajuan yang tertentu bagi ketiga-tiga objek itu menyebabkan berlakunya kejadian malam dan siang. Rajah 2 menunjukkan pergerakan putaran arah tawaf tersebut.



**Rajah 2: Pergerakan Arah Putaran Bumi, Bulan Dan Matahari**

Oleh demikian, peranan ilmu fakta saintifik terhadap keteraturan yang tersusun merupakan bahagian daripada keagungan, kebesaran dan kekuasaan Allah ﷻ yang berupaya menatijahkan pemangkin kepada penghayatan bacaan al-Quran dalam mengukuhkan elemen iman terhadap individu insan.

### Waktu Dan Aktiviti Insan

Putaran silih ganti antara malam dan siang bukan suatu perkara yang remeh. Hal tersebut dapat menentukan waktu dan aktiviti insan. Waktu adalah suatu yang memenuhi ruang. Tiada ruang yang tidak dipenuhi dengan waktu. Misalnya hidup insan yang secara umumnya berada dalam keadaan rugi pada sebarang waktu boleh yang disebabkan berkadar langsung dengan aktiviti.

Sejarah tamadun manusia telah membuktikan penentuan waktu ataupun masa bergantung kepada pergerakan matahari seperti menentukan arah pelayaran, mengairi tanah pertanian dan meramalkan kedatangan banjir juga berpandukan kepada bayang dan cahaya matahari. Keseimbangan hidup insan dalam menjalankan aktiviti sama ada harian, mingguan mahupun bulanan sudah pasti bergantung pada waktu (al-Quran, 17:12).

Maka, skala waktu malam dan siang yang merupakan julat tempoh masa yang diperuntukkan oleh Allah<sup>ﷻ</sup> kepada individu insan bagi melaksanakan pelbagai aktiviti tugas dengan matlamat memperoleh keuntungan berupa dapat mengukuhkan elemen iman khususnya bagi setiap waktu yang dilalui dalam hidupnya.

Seterusnya, kedua-dua skala waktu malam dan siang itu juga memberi kesan akibat aktiviti insan terhadap perubahan kepada tubuh badan individu insan yang sangat sensitif tersebut. Pertanyaan, mampukah tubuh badan individu insan tidur selama 24 jam sekiranya tempoh julat waktu malam tidak berubah? Persoalan tersebut juga telah dinyatakan menerusi mesej al-Rahman (al-Quran, 28:71-72).

Justeru, nikmat waktu siang yang merupakan julat tempoh masa terang benderang bermula daripada terbit fajar sehingga terbenam matahari adalah memainkan peranan yang sangat penting terhadap aspek kesihatan tubuh badan individu insan. Fakta saintifik berkaitan kesihatan tubuh badan insan yang berhubung dengan keadaan siang dapat dilihat pada rembesan hormon kortisol dalam menguatkan sistem tubuh badan yang terdiri daripada organ, tisu dan kelenjar manakala ketika malam menjelang rembesan hormon melatonin pula mengambil peranannya.

Bacaan gelombang otak manusia berada pada kedudukan beta (14 hertz hingga 100 hertz) semasa rembesan hormon kortisol yang berlaku pada waktu awal pagi dan memuncak sekitar waktu dhuha serta mengalami penurunan secara bertahap ketika menghampiri terbenamnya matahari (Mohd dan Ku Mohd Noor, 2019:60). Selain itu, manfaat rembesan hormon kortisol dan juga norepinefrin terhadap kesihatan insan adalah mampu menghadapi situasi tekanan dan rasa tegang agar sistem ketahanan tubuh badan tersebut menjadi kuat bagi menghadapi serangan penyakit.

Manakala manfaat rembesan hormon serotonin dan endorfin terhadap kesihatan insan pula menjadikan tubuh badan itu berada dalam keadaan tenang dan selesa akibat kestabilan pada degupan organ jantung, pelebaran pembuluh darah dan peningkatan daya imunisasi tubuh badan (Mohd dan Ku Mohd Noor, 2019:61). Selanjutnya, suasana waktu malam yang berterusan akan menyebabkan bumi membeku manakala sebaliknya, suasana waktu siang yang berterusan akan menyebabkan bumi tandus dan gersang.

Ekoran daripada itu, segala aktiviti insan yang dirancang tidak mungkin dapat dilaksanakan bagi menatijahkan hidupnya dapat menjauhi keadaan yang rugi itu. Penggiliran malam dan siang sebagai penentuan waktu yang tersusun tersebut amatlah penting dalam hidup insan bagi mengekalkan tahap kesihatan insan dan membolehkan mereka mengerjakan sebarang bentuk aktiviti seperti berkerja, bersukan dalam konteks ibadah umum dan bersolat, berpuasa, berwukuf, berkorban dalam konteks ibadah khusus.

Tambahan itu, contohnya nas ilahi (al-Quran, 21:30) telah menyebutkan bahawa air<sup>14</sup> adalah merupakan sumber dominan kepada segala hidupan di muka bumi dan secara

---

<sup>14</sup> Perkataan ini disebut menerusi kata tunggal sahaja dengan kalimah *al-ma'* dalam *al-Qur'an* sebanyak 41 kali kekerapan ulangannya dalam bentuk *nakirah* (am) manakala sebanyak 21 kali kekerapan ulangannya dalam bentuk *ma'rifah* (definitif) yang terdapat pada 42 surah yang berbeza. Berasaskan ilmu nahu bahasa Arab, pembahagian bagi kekerapan ulangan sebanyak 21 kali tersebut dapat dicerakinkan kepada bacaan secara *marfu'* sebanyak 6 kali, bacaan *mansub* sebanyak 9 kali dan bacaan *majrur* sebanyak 6 kali manakala bagi

saintifiknya ialah molekul yang merupakan cecair tidak berwarna, tidak berbau dan tidak memiliki rasa (Tjutsu, 2003:17). Secara anggaran 70% daripada komposisi air meliputi permukaan bumi dan juga tubuh manusia masing-masing (Anuar Zulkepli et al., 2021:15). Jadual 4 menerangkan gambaran ringkasan komposisi air yang terkandung dalam beberapa organ pada tubuh manusia sebagai tamsilnya.

**Jadual 4: Gambaran Ringkasan Komposisi Air Dalam Tubuh Badan Manusia**

<b>Organ</b>			
<b>Nama</b>	<b>Sebutan Perubatan Standard</b>	<b>Sebutan Bahasa Arab</b>	<b>Peratusan Kandungan Air</b>
Paru-paru	<i>Lungs/Pneumo</i>	<i>al-Ri'atan</i>	86
Hati	<i>Liver/Hepa</i>	<i>al-Kabad</i>	83
Ginjal	<i>Kidney/Rhenal</i>	<i>al-Kulyah</i>	83
Darah	<i>Blood/Hem</i>	<i>al-Dam</i>	83
Otak	<i>Brain/Encephal</i>	<i>al-Mukh</i>	75
Jantung	<i>Heart/Cardia</i>	<i>al-Qalb</i>	75
Otot	<i>Muscle/Myo</i>	<i>al-'Adalah</i>	75

Sumber: Olahan Daripada Ritonga (2011) dan al-Ba'albaki (1991).

Maka, pelbagai manfaat boleh dinikmati daripada fungsinya seperti menghilangkan dahaga, menyejukkan badan, medium bersuci, menyuburkan tanaman dan perantara pengangkutan termasuklah peristiwa air pasang dan air surut yang berlaku sebanyak dua kali pada sebelah malam dan dua kali pada sebelah siang adalah disebabkan fenomena malam dan siang.

Tuntasnya, peranan ilmu fakta saintifik berupaya melonjak sebagai pemangkin kepada penghayatan bacaan al-Quran agar dapat mengukuhkan elemen iman seterusnya mengaplikasikannya dalam bentuk amalan soleh berserta dengan melaksanakan berpesan dengan kebenaran dan kesabaran bagi menjamin hidup insan tersebut tidak termasuk dalam golongan yang rugi. Hal tersebut disokong menerusi mesej al-Rahman pada ayat 6 surah Yunus.

Tambahan itu, al-Syawkani (m. 1834M/1250H) menerusi buku tafsirnya berjudul *Fath al-Qadir* menukilkan bersandarkan kata-kata al-Qaffal al-Shashi (m. 976M/365H) dengan menyatakan bahawa pemerhatian dan penelitian berkenaan ciptaan Allahﷻ misalnya langit dan bumi termasuk malam dan siang akan membawa kefahaman terhadap tujuan dunia diciptakan dan kecaknaan pencipta dunia tersebut dalam menyediakan tempat untuk manusia menjalan urusan tugasannya serta melakukan dengan menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran (Mohamad Rohani, 2017:67).

Oleh yang demikian, setiap waktu yang digunakan untuk mengahayati bacaan al-Quran menerusi ilmu fakta saintifik berupaya dan dapat berperanan bagi mengukuhkan elemen iman.

### **Ilmu Fakta Saintifik Pemangkin Penghayatan Bacaan Al-Quran terhadap Pengukuhan Elemen Iman**

Hasil penelitian mendapati penonjolan menerusi penerangan perincian terhadap ilmu fakta saintifik berdasarkan ayat 37 surah Yasin menunjukkannya sarat dengan nilai ilmu yang berupaya memainkan peranan sebagai motivasi pemangkin kepada penghayatan bacaan al-Quran bagi menatijahkan pengukuhan elemen iman agar keseimbangan hidup individu

---


kekerapan ulangan sebanyak 41 tersebut dapat dipecahkan pula kepada bacaan *mansub* sebanyak 27 kali dan bacaan *majrur* sebanyak 14 kali sahaja.

insan berkaitan hal ehwal duniawi dan juga ukhrawi dapat diuruskan dengan baik yang akhirnya mampu mengecualikan dirinya daripada kelompok yang berada dalam kerugian pada setiap waktu yang berdetik tersebut.

Walau bagaimanapun, peredaran zaman menyaksikan pelbagai kemunculan penemuan fakta saintifik yang menyingkap perkhabaran daripada al-Quran al-Karim. Sunnah *kawniyyah* (kejadian alam) menjadi lebih jelas dengan penemuan bukti fakta saintifik secara berperingkat-peringkat.

Maka, seharusnya bacaan al-Quran tidak hanya terhenti pada takut untuk memperoleh ganjaran pahala disebabkan bacaan yang menepati tajwid semata-mata tetapi hendaklah melangkaui jauh ke hadapan dengan menitikberatkan tentang proses awal terhadap pengaplikasian bacaan tersebut kepada bentuk amalan yang dapat menatijahkan penghayatan bacaannya dalam mengukuhkan elemen iman tersebut.

Justeru, Rajah 3 membentangkan mengenai tahap pengukuhan iman yang mewakili paksi-y dengan dua penunjuk iaitu rendah dan tinggi, lengkung eksponen yang mewakili peringkat penghayatan bacaan al-Quran dan skala ilmu fakta saintifik yang mewakili paksi-x dengan dua penunjuk juga iaitu kurang kukuh dan kukuh. Graf eksponen tersebut dilihat sesuai bagi menggambarkan tentang elemen iman kerana tahap peningkatan iman dalam diri individu insan boleh berkalu secara mendadak tanpa mengira waktu.



**Rajah 3: Graf Eksponen Berkenaan Penghayatan Bacaan al-Quran Terhadap Penguhan Elemen Iman Dengan Skala Ilmu Fakta Saintifik.**

Rajah 3 menunjukkan bahawa sekiranya ilmu fakta saintifik individu insan itu berada pada skala 'S', maka penghayatan bacaan al-Qurannya adalah berada pada peringkat rendah dan hal tersebut menatijahkan terhadap elemen iman yang kurang kukuh manakala sekiranya ilmu fakta saintifik individu insan berada pada skala 'B', maka penghayatan bacaan al-Qurannya pula adalah berada pada peringkat yang tinggi dan hal tersebut menatijahkan terhadap elemen iman yang kukuh.

Oleh itu, antara peranan ilmu fakta saintifik terhadap penghayatan bacaan al-Quran bagi pengukuhan elemen iman individu insan yang dapat digariskan dan ditonjolkan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Merupakan satu kaedah yang masih baharu dalam merangsang jantung-hati dan juga aqal supaya tunduk dengan bukti ilmiah
- ii. Merupakan suatu kekuatan bagi umat pada hari ini menjana kemampuan aqal secara kreatif menerusi bidang utama di era moden iaitu berdakwah di jalan Allah ﷻ.
- iii. Merupakan tanda ketuhanan yang dapat dilihat berdasarkan ilmu pengetahuan yang terkandung dalam mesej al-Rahman menerusi penemuan ilmu fakta saintifik hasil kajian yang dijalankan.
- iv. Merupakan bukti kebenaran perkhabaran yang disebut oleh al-Quran pada setiap kali penemuan baru dijumpai yang mempunyai kaitan dengan keterangan ilmu fakta saintifik.

**PENUTUP**

Kesimpulan yang boleh dirumuskan di sini ialah perincian ilmu fakta saintifik memainkan peranan terhadap penghayatan bacaan al-Quran yang menatijahkan kepada pengukuhan elemen iman bagi individu insan agar dapat menghindarkan dirinya daripada kelompok golongan yang rugi pada sepanjang waktu dan hidupnya. Hal tersebut berbetulan dengan bukti penemuan demi penemuan yang disaksikan oleh para pakar dalam bidang masing-masing pada zaman moden ini yang merupakan dalil yang kuat membuktikan bahawa al-Quran ialah kalam Allah ﷻ.

Tambahan itu, menjadi bukti persaksian terhadap kebenaran Rasulullah ﷺ yang menyampaikan segala perkhabaran dan pembicaraan mengenai rahsia kejadian makhluk dan fenomena alam termasuk peristiwa kejadian malam dan siang sebagaimana yang menjadi fokus utama dalam perbincangan makalah ini.

Oleh demikian, berdasarkan sumbangan kajian ini dengan usaha yang dijalankan adalah bagi menambahkan lagi khazanah bahan bacaan negara dalam bahasa Melayu khususnya agar dapat dimanfaatkan oleh penyelidik lain dalam memajukan perkembangannya secara lebih komprehensif lagi, *Insyallah*.

**RUJUKAN**

- Ahmad Soleh, S. (2011). *Kunuz al-'Ijaz al-'Ilm al-Sama' fi al-Qur'an al-Karim*. Maktabah Sofa, Kaherah.
- Al-Alusiy, M. A. (2005). *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim wa al-Sab' al-Mathaniy*. Dar al-Hadith, Kaherah.
- Al-Ba'albaki, M. (1991). *Al-Mawrid: A Modern English-Arabic Dictionary*. Dar El-Ilm Lil-Malayan, Bayrut.
- Alias, M. S. (2015). *Ibn al-Haytham: Pelopor Konsep Penyelidikan Saintifik*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- al-Jalalain, (t. th.). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Darul 'Ilm, Surabaya, Jilid 1-2.
- Al-Najjar, Z. (2007). *Tafsir al-'Ayat al-Kawniyyah fi al-Quran al-Karim*. Jilid 4. Maktabah Syuruq al-Dauliyyah, Kaherah.
- Al-Quran. (1445). *Mashaf al-Madinah Arab Saudi*. Madinah: Mujamma' al-Malik al-Fahd li Tiba'at al-Mushaf al-Syarif, Arab Saudi.
- al-Suyuti, J. (1993). *al-Dur al-Manthur*. Juz 7. Dar Fikr, Bayrut.
- Al-Wahbi, F. (2019). *Tadabbur al-Quran: Konsep, Cara Dan Hikmahnya*. Angkatan Belia Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- Anuar Zulkepli, M. K., Zailani, S. @ A. & Abdullah, M N. (2021) *Lafaz al-Ma' (Air) Dalam al-Quran*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Awang, A. H. (2020). *Celupan Jarum Kecil Di Lautan Ilmu al-Quran*. Pustaka Permata Ummah, Kuala Lumpur.
- Awang, R. (1996). *Konsep Ilmu Dan Kosmologi*. Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial UTM, Skudai, Johor.
- Azhar, M. (2022). Penerapan Tauhid dalam Diri untuk Mencapai Ridho Allah. *Pendalas: Jurnal Penelitian Tindakan Kelas dan Pengabdian Masyarakat*, 2(2), 103-109.
- Darwazah, M. 'A. (2000). *Al-Tafsir al-Hadith Tartib al-Suwar Hasaba al-Nuzul*. Jilid. 1. Dar al-Gharb al-Islamiy, Beirut, Lubnan.
- Gibney, E. (2017). New definitions of scientific units are on the horizon. *Nature*, 550 (7676), 312-313. <https://doi.org/10.1038/550312A>.
- Hadi, M. S. (2025). Menelaah Konsep dan Aktualisasi Iman, Islam, dan Ihsan dalam Tadabbur Al-Quran. *Multidiscience: Journal of Multidisciplinary Science*, 2(1), 175-183. <https://doi.org/10.59631/multidiscience.v2i1.316>
- Islam, J. B. P. A. (2024). Peran Pendidikan Aqidah Akhlak dalam Pembentukan Karakter Siswa Sekolah Dasar. *Jurnal Budi Pekerti Agama Islam*, 2(4). <https://doi.org/10.61132/jbpai.v2i4.486>
- Ismail, F. (2016). *Sipnopsis 114 Surah*. Akademi Sinergi Ikhlas, Selangor.
- Ismail, M. R. (2014). *Ulul Albab: Ajaibnya Alam Semesta*. Mustread Sd. Bhd., Kuala Lumpur.

- Jusoh, Y. (2014). *Falsafah Sains Dan Teknologi Menurut al-Quran*. Penerbit UTM Press, Johor.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1996). Kuala Lumpur.
- Lim, W. M. (2026). Theory And Theory Development: Guidelines For Establishing Theoretical Gaps, Foundations, Contributions, And Implications. *Journal of Business Research*, 202: 1-26. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2025.115745>
- Marsuki, M. Z. (2000). "Pengajian Sains Teknologi dan Masyarakat: Satu Pendekatan Bersepadu ke Arah Wawasan 2020", dalam Abdul Latif Samian dan Mohamad Sabri Haron (ed.) 2000. *Pengajian Umum di Alaf Baru*. Pusat Pengajian Umum Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Mat Sin , M. L. , & Ishak, S. N. (2024). Peranan Ilmu Mukjizat Bayani Dan Fakta Sainifik Dalam Meningkatkan Pemahaman Pembaca Al-Quran: Kajian Terhadap Ayat 68 Dan 69 Surah Al-Nahl. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(5), 114–123. Retrieved from <https://al-qanatir.com/aq/article/view/989>.
- Mohamad Rohani, Z. H. (2017). *Fakta Sainifik Surah Yasin*. Mustread Sdn. Bhd., Selangor.
- Mohamad Zaki, A. H. (2014). *Rahsia 7 Surah Pilihan*. Galeri Ilmu Sdn. Bhd., Selangor.
- Mohamad, W. F. R. W., Awang, A. H., Akib, M. M. M., Rosman, S. Z., & Shahabudin, M. F. R. (2021). Elemen Akidah dalam Surah Yasin: Satu Sorotan Awal: Elements of Faith in Surah Yasin: An Early Highlight. *Jurnal Pengajian Islam*, 12-20.
- Mohd Yusoff, Z. & Mukhlis. M. (2012). *Asbabun Nuzul: Sebab-sebab Turunnya Ayat al-Quran*. PTS Darul Furqan, Selangor.
- Mohd Zain, S. *Pengenalan Sejarah Dan Falsafah Sains*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Mohd., R. A. & Ku Mohd Noor, K. M. (2019). *Hikmah Sainifik: Mengapa Malam Untuk Tidur & Siang Untuk Kerja*. PTS Publications & Distribution Sdn Bhd., Selangor.
- Othman, M. Y. (2016). *Sains Dari Perspektif Al-Quran*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Purwanto, A. (2012). *Nalar Ayat-Ayat Semesta: Menjadikan Al-Quran Sebagai Basis Konstruksi Ilmu Pengetahuan*. Penerbit Mizan, Bandung.
- Putri, M., Aisyah, R., Zaki, M., Wiguna, A. P., & Wismanto, W. (2025). Iman dan Tauhid: Kunci Menuju Keselamatan Dunia dan Akhirat. *Akhlak: Jurnal Pendidikan Agama Islam dan Filsafat*, 2(1), 20-29.
- Rahma, A. D., & Sahila, I. R. (2024). Mengatasi Depresi Dengan Iman: Urgensi Peran Akidah Dan Tauhid Untuk Kesehatan Mental. *Jurnal Ilmiah Psikologi dan Kesehatan Masyarakat*, 2(2), 196-206.
- Ritonga, P. S. (2011). " Air" sebagai Sarana Peningkatan Imtaq (Integrasi Kimia dan Agama). *Sosial Budaya*, 8(2), 267-276.
- Rusydi, A. (2019). Seluk Beluk Surah Yasin: Kajian Tafsir Maudu'i. *Al-Risalah*, 15(2), 131-154.
- Surah.My (T.th). Terjemahan Al-Quran Bahasa Melayu. <https://www.surah.my/36#37> (diakses pada 9 Jun 2025)
- Yunus, M. (1973). *Tafsir Quran Karim*. P. T. Hidakarya Agung, Jakarta.
- Zakaria, Nor Dalilah & Raihanah Azahari. (2022). Menghayati Nilai Iman, Islam dan Ihsan dalam Mendepani Cabaran Kontemporari. *Ar-Ra'iq*, 5(1), 20-74.

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*